

SERANGAN AGEN KIMIA DI TIMUR GHOUTA

# AS gesa tindak balas segera antarabangsa

→ Russia nafi lancar serangan kimia, pemberontak Douma sedang berunding

► Beirut

Satu serangan senjata kimia ke atas bandar dikawal pemberontak di Timur Ghouta menorbakan puluhan mangsa, kata pertubuhan bantuan perubatan dan perkhidmatan menuntut satu dengan Washington menuntut satu tindak balas segera di peringkat antarabangsa jika laporan itu disahkan.

Satu kenyataan bersama oleh pertubuhan bantuan perubatan, Persatuan Perubatan Syria Amerika (SAMS) dan pertahanan awam yang beroperasi dalam kawasan pemberontak berkata, 49 orang maut. Sebelum itu mereka mele- takkan sehingga 150 orang maut

dalam tulisan di Twitter.

Tentera rejim Syria disokong Russia menafikan pasukannya melancarkan serangan kimia ketika laporan tersebar malam kelmarin dan berkata, pemberontak di bandar Timur Ghouta di Douma kini hampir lumpuh dan menyebarkan berita palsu. Reuters tidak dapat mengesahkan laporan itu.

**Berbuih mulut**

Mayat tidak berdosa kira-kira 12 kanak-kanak, wanita dan lelaki, sesetengahnya berbuih mulut, ditunjukkan dalam satu video di- darkan aktivis. "Bandar Douma, 7 April, ada bau yang kuat di sini," kata suara dalam video itu.

Jabatan Negara Amerika Syarikat (AS) berkata, laporan kematian besar-besaran daripada dakwaan serangan senjata kimia di Douma adalah 'mengerikan' dan jika disahkan, akan menuntut tindak balas segera masyarakat antara- bangsa.

Memetik sejarah penggunaan senjata kimia oleh kerajaan Pre- siden Bashar al-Assad, jurucakap Jabatan Negara, Heather Nauert berkata, kerajaan Syria dan penyokongnya Russia perlu diper- tanggungjawabkan dan sebarang

serangan lanjut perlu dihalang segera.

"AS menggesa Russia mena- matkan sokongan tanpa henti dengan segera dan bekerja dengan masyarakat antarabangsa bagi menghalang serangan senjata kimia lanjut dan kejam," katanya. Assad memenangi kembali kawalan hampir semua Timur Ghouta dalam satu kempen disokong Russia, bermula Februari lalu, meninggalkan hanya Douma di tangan pemberontak. Selepas keadaan tenang selama beberapa hari, tentera kerajaan mula menge- bom Douma sekali lagi Jumaat lalu.

Tentangan di Ghouta, menjadi satu daripada yang terburuk sepan- jang perang tujuh tahun, mengor- bankan lebih 1,600 orang awam, menurut Pemantau Hak Asasi Manusia Syria (SOHR).

SOHR berkata, ia tidak dapat mengesahkan jika senjata kimia digunakan dalam serangan kel- marin.

Pengarahnya, Rami Abdulrah- man berkata, 11 orang maut di Douma akibat sesak nafas kerana menyedut asap daripada senjata konvensional digugurkan kerajaan. Katanya, sejumlah 70 orang sesak nafas.

REUTERS

Asap kelihatan di Timur Ghouta.



Seorang warga Syria menerima rawatan di bilik kecemasan di Hospital Al Mouwasat, Damsyik, Syria.